



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING AM BILANGAN 1 TAHUN 2012**

---

**PEMANSUHAN KEPERLUAN PENGESAHAN YANG TIADA NILAI  
TAMBAH PADA BORANG RASMI KERAJAAN DAN SALINAN  
DOKUMEN SOKONGAN**

**JABATAN PERDANA MENTERI  
MALAYSIA**

2 MAC 2012

Dikelilingkan dan Diedarkan Kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan



JABATAN PERDANA MENTERI  
(PENTADBIRAN AM)  
BLOK B8  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62502 PUTRAJAYA  
MALAYSIA  
Tel. : 03 8872 1957 Faks : 03 8888 3904  
Laman Web : <http://www.pajpm.gov.my>  
Email : [pentadbiranam@pajpm.gov.my](mailto:pentadbiranam@pajpm.gov.my)

Pentadbiran Am, JPM  
Menerima Anugerah  
Persijilan MS ISO 9001 : 2008  
Pada 10 Jun 2009



CEKST/ISO 9001:2008 CERT. NO.: A34607

Ruj. Kami : MAMPU.BPP.600-6/2/12 Jld.2 ( 13 )

Tarikh : 2 MAC 2012

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

---

## PEKELILING AM BILANGAN 1 TAHUN 2012

---

### PEMANSUHAN KEPERLUAN PENGESAHAN YANG TIADA NILAI TAMBAH PADA BORANG RASMI KERAJAAN DAN SALINAN DOKUMEN SOKONGAN

#### 1. TUJUAN

Pekeliling Am ini bertujuan untuk memaklumkan agensi-agensi Kerajaan mengenai keputusan Kerajaan memansuhkan keperluan pengesahan yang tidak merupakan kehendak undang-undang dan tidak mempunyai nilai tambah pada borang rasmi Kerajaan dan salinan dokumen sokongan, serta tindakan-tindakan susulan yang perlu diambil untuk melaksanakan keputusan tersebut.

## 2. TAKRIFAN

- 2.1 **'pengesahan'** merujuk kepada pengesahan terhadap kebenaran maklumat yang dibekalkan dalam borang rasmi Kerajaan dan pengesahan bahawa salinan dokumen yang diiringkan bersama adalah salinan sah dokumen asal oleh pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional/Ketua Kampung/Penghulu/Pesuruhjaya Sumpah/Ahli Parlimen/Ahli Dewan Undangan Negeri.
- 2.2 **'borang rasmi Kerajaan'** merujuk kepada semua jenis borang agensi Kerajaan yang mempunyai ruangan pengesahan dan diguna pakai untuk urusan-urusan di agensi Kerajaan.
- 2.3 **'agensi Kerajaan'** merujuk kepada semua agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan serta Pihak Berkuasa Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri.
- 2.4 **'salinan dokumen sokongan'** merujuk kepada semua salinan dokumen yang memerlukan pengesahan untuk disertakan bersama semasa berurusan dengan agensi Kerajaan.
- 2.5 **'tiada nilai tambah'** merujuk kepada pengesahan pada borang/dokumen yang bukan merupakan kehendak undang-undang dan dibuat secara amalan pentadbiran sahaja. Walaupun borang/dokumen berkaitan telah disahkan, namun siasatan lanjut masih diperlukan atau dokumen asal masih perlu dikemukakan.

## 3. LATAR BELAKANG

- 3.1 Pada masa kini, terdapat banyak borang dan salinan dokumen sokongan yang perlu disahkan bagi sesuatu permohonan untuk berurusan dengan agensi Kerajaan. Sebagai contoh, Borang Tuntutan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) di Majlis Peperiksaan Malaysia dan salinan kad pengenalan serta salinan sijil akademik yang perlu disahkan bagi permohonan biasiswa. Kebanyakan keperluan pengesahan borang/dokumen ini sebenarnya merupakan amalan pentadbiran yang tidak diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang.

- 3.2 Amalan pengesahan ke atas borang dan salinan dokumen sokongan ini bukan sahaja membebankan orang awam malah tidak melambangkan pemodenan tadbiran sektor awam. Amalan ini juga dilihat sebagai tidak memberi nilai tambah dalam penyampaian perkhidmatan sektor awam. Sehubungan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengaduan Awam Bilangan 5/2011 pada 24 November 2011 telah bersetuju bahawa amalan ini tidak perlu lagi diteruskan.

#### 4. PELAKSANAAN

Untuk memastikan keputusan ini dilaksanakan sepenuhnya, semua agensi Kerajaan diminta memansuhkan keperluan pengesahan yang tiada nilai tambah pada borang rasmi Kerajaan dan salinan dokumen sokongan di agensi masing-masing. Agensi Kerajaan hendaklah mematuhi dan melaksanakan keputusan ini melalui tindakan-tindakan berikut:

- a) mengenal pasti sama ada pengesahan pada borang rasmi Kerajaan dan salinan dokumen sokongan merupakan kehendak undang-undang atau tidak;
- b) memansuhkan keperluan pengesahan pada borang rasmi Kerajaan dan salinan dokumen sokongan yang tidak merupakan kehendak undang-undang dan tidak memberi nilai tambah kepada penyampaian perkhidmatan Kerajaan; dan
- c) memaklum dan menghebahkan kepada orang awam mengenai pelaksanaan keputusan ini.

#### 5. PEMAKAIAN

Pekeliling Am ini adalah terpakai kepada semua agensi Kerajaan.

**6. TARIKH KUAT KUASA**

Pekeliling Am ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

A handwritten signature in black ink, consisting of stylized initials 'MSH' followed by a horizontal line.

**TAN SRI MOHD SIDEK HASSAN**  
Ketua Setiausaha Negara